

06/08/1998

Matrade mahu firma pergiat promosi

Azli Ayob

PERBADANAN Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) menggesa syarikat Malaysia mempertingkatkan tumpuan kepada usaha pengiklanan dan promosi bagi mengembalikan penguasaan pasaran.

Ketua Eksekutifnya, Mohammed Abdul Halim Abdul Rahman, berkata syarikat Malaysia tidak harus mengambil sikap tunggu dan lihat semata-mata sehingga ekonomi kembali pulih.

"Untuk mencapai kejayaan, peruntukan yang mencukupi perlu disediakan untuk tujuan itu," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara lima pempamer Malaysia dan penganjur yang akan menyertai Pameran Perdagangan Antarabangsa Ketiga Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau turut mengalu-alukan tindakan bank menurunkan Kadar Asas Pinjaman (BLR) yang disifatkannya sebagai membantu syarikat mendapatkan modal kerja dan seterusnya boleh digunakan untuk tujuan promosi.

"Peruntukan ini boleh digunakan untuk menyertai berbagai pameran perdagangan anjuran Matrade," katanya.

Lima syarikat Malaysia yang mengesahkan penyertaan dan menandatangani perjanjian semalam ialah Artwright Holdings Bhd, Celcom (Malaysia) Sdn Bhd, Kumpulan DRB Hicom, Hunza Marine Products Sdn Bhd, Southern Bank Bhd dan Telekom Malaysia Bhd.

Pameran itu yang dijadual diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mines daripada 13 hingga 16 November ini, dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohammed berkata Malaysia mempunyai ikatan dagang yang penting dengan negara anggota Apec yang membabitkan sejumlah 78.2 peratus daripada keseluruhan jumlah dagangan Malaysia.

"Tahun lalu jumlah dagangan Malaysia dengan negara Apec bernilai RM345.9 juta," katanya.

Sejumlah 50 syarikat Malaysia sudah mengesahkan penyertaan dan antara negara yang berbuat demikian setakat ini ialah Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Jepun, Korea, Mexico, Taiwan dan Thailand.

Pameran kali ini anjuran bersama Matrade dan FMM Exhibition Services Sdn Bhd anak syarikat Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) serta diuruskan Reed Exhibitions Sdn Bhd bertujuan mempertemukan peniaga Malaysia dengan rakan dagang daripada negara anggota Apec.

(END)